

**SOROTAN KARYA BERSISTEMATIK TERHADAP PENGULANGAN KES
JENAYAH DALAM KALANGAN BEKAS BANDUAN DI MALAYSIA
SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW TOWARDS THE REPETITION OF
CRIMINAL CASES AMONG FORMER PRISONERS IN MALAYSIA**Fitri Munawaroh Zailani ^{1*}, Muhamad Faisal Ashaari ², Salasiah Hanin Hamjah³¹ Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia, p104196@siswa.ukm.edu.my.² Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, faisal@ukm.edu.my.³ Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, salhanin@ukm.edu.my.

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

Abstrak

Pengulangan kes jenayah dalam kalangan bekas banduan di Malaysia menjadi satu ancaman kepada masyarakat. Pemulihan yang telah dijalani seakan tidak memberi kesan yang baik terhadap bekas banduan. Walaupun telah ditahan dalam tempoh tertentu dengan tujuan untuk merubah dan mengembalikan semula jati diri, namun masih ada segelintir bekas banduan yang kembali ke kehidupan gelapnya. Pengulangan kes jenayah agak meningkat, tetapi kajian tentang pola pengulangan dalam kategori kes jenayah kurang dispesifikkan sedangkan ia perlu dititikberatkan untuk memberi kemudahan pihak berwajib menanganinya. Justeru, artikel ini membuat sorotan karya bersistematik terhadap kajian lepas tentang pola pengulangan kes jenayah dalam kalangan bekas banduan di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pola pengulangan kes jenayah dalam kalangan bekas banduan dan faktor penyebab berlakunya pengulangan kes jenayah di Malaysia. Kajian ini dijalankan secara sistematik melalui *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). Terdapat empat bahagian dalam metode kajian yang memandu analisis iaitu proses pengenalpastian sumber, kriteria tapisan, proses ulasan bersistematik dan menganalisis data kajian. Analisis mendapati bahawa pengulangan kes jenayah dadah kerap berlaku berbanding kes sosial yang lain. Tiada sokongan sosial, kurang kesedaran komuniti dan konsep sendiri yang negatif atau gangguan emosi menjadi faktor pengulangan kes jenayah ini berlaku. Artikel ini mencadangkan kajian akan datang untuk mengatasi masalah pengulangan ini iaitu bimbingan kaunseling terhadap bekas banduan selepas keluar dari pusat atau penjara.

Kata kunci

Pengulangan, Kes Jenayah, Dadah, Bekas Banduan, Penjara

Abstract

The repetition of criminal cases among former prisoners in Malaysia has become a threat to society. The recovery that has been undertaken does not have a good impression on former prisoners. Although they have been detained for a certain period of time to change and restore their identity, there are still a handful of prisoners who return to their dark life. Indeed, criminal case recurrence is on the rise. However, studies on patterns of recurrence in criminal cases are

lacking, even though they should be highlighted to make it easier for authorities to deal with them. Hence, this article presents a report of systematic literature review of previous studies on the repetition patterns of criminal cases among former prisoners in Malaysia. This study aims to analyse the pattern of repetition of criminal cases among former prisoners and the causes of the repetition of criminal cases in Malaysia. This study is systematically conducted through Preferred Reporting items for systematic reviews and meta-analyses (PRISMA). There are four parts in the research method that drives analysis that is the process of identification of resources, screening criteria, systematic commentary processes and analysing research data. Analysis found that the repetition of drug crime cases often occurs compared to other social cases. The repetition factor of this criminal case is non-social support, lack of community awareness, and negative self-concept or emotional disorders. This article suggests an upcoming study to address the problem of this repetition of counselling against former prisoners after exiting the centre or prison.

Keywords

Repetition, criminal case, drug, former prisoner, prison

1. Pendahuluan

Pengulangan kes jenayah merupakan suatu fenomena yang biasa berlaku dalam kalangan bekas banduan lebih-lebih lagi penagih dadah. Fenomena ini dikaitkan dengan beberapa faktor seperti kurang tumpuan pada penjagaan secara mendalam selepas proses pemulihan (*aftercare*) (Audi Azizul et. al; Alif Jasni et. al. 2018), kehilangan peluang sosio-ekonomi (Fauziah et. al, 2011; Sonfield, 2008; David, 2015; James. 2015; Alif Jasni et.al 2018; Nur Diyanah & Siti Marziah 2018), pengaruh rakan sebaya, tiada sistem sokongan keluarga (Alif Jasni et.al 2018, N.k. Tharshini et.al, 2018), tahap pendidikan yang rendah dan sukar mendapat tempat tinggal (Smith & Hopkins, 2013; James; 2015). Begitu juga, stigma negatif masyarakat terhadap bekas banduan menyukarkan mereka untuk berubah sehingga menyebabkan mereka kembali melakukan kes jenayah (Moore, Stuewig & Tangney, 2016; Grossi, 2017; Moore et al., 2018). Dengan pengulangan kes jenayah, negara bukan sahaja menghabiskan belanja yang begitu besar bagi memberi rawatan dan pemulihan, tetapi semua peruntukan itu hanya sia-sia kerana mereka tidak berubah. Kajian mendapati bahawa penagihan semula atau relaps adalah keadaan yang biasa berlaku kepada seseorang bekas penagih dadah biarpun telah selesai menjalani program rawatan pencegahan dan pemulihan (Audi Azizul et.al 2018). Menurut Agensi Antidadah Kebangsaan (2019), kes dadah baharu yang dilaporkan pada 2019 berjumlah 17,464 kes, manakala kes berulang pula berjumlah 8,345 kes. Ini berbanding pada 2017 berjumlah 18,440 kes dan 7,482 kes berulang. Pengulangan kerap berlaku dalam penagihan dadah kerana keinginan dan dorongan kepadanya sangat tinggi dan apabila mereka terjebak sekali lagi mereka sukar untuk mengubahnya.

Namun, adakah jenayah lain selain dadah turut mengalami fenomena pengulangan kerana kesan pemenjaraan kepada banduan sama ada disebabkan dadah atau jenayah lain adalah hampir sama sahaja. Pettit dan Lyons (2007) menyatakan bahawa pemenjaraan memberikan kesan negatif kepada bekas banduan dalam pencarian kerja dan kehidupan selepas keluar dari penjara. Alif Jasni et.al (2018) turut menyatakan bahawa pembebasan bekas banduan tidak terhenti di situ sahaja sebaliknya mereka

turut membawa rekod pemenjaraan sepanjang hidupnya yang menyukarkan mereka untuk berjaya dalam proses integrasi semula. Menurut Norruzeyati et.al. (2020), kegagalan dalam mendapatkan pekerjaan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh bekas banduan yang mana secara tidak langsung akan meningkatkan risiko residivisme atau pengulangan jenayah. Bukan itu sahaja Ramirez (2016) dan Alif Jasni et. al (2019) turut menyatakan bahawa perkara pertama yang sering menjadi persoalan oleh banduan yang baru keluar dari penjara adalah “*Di mana saya boleh tidur malam ini?*”. Hal ini sering terjadi ke atas bekas banduan yang tidak diterima keluarga. Alif Jasni et. al (2019) dan Norruzeyati et.al (2020) turut mengesahkan bahawa ketiadaan tempat yang dituju setelah keluar dari penjara merupakan proses pertama yang sukar dalam proses integrasi semula ke dalam masyarakat umum. Objektif artikel ini ialah untuk membuat SLR terhadap kajian-kajian yang berkaitan pengulangan jenayah di Malaysia.

2. Metodologi

Sorotan karya bersistematik ini akan dipandu menggunakan PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*). Kaedah ini merupakan garis panduan sorotan literatur yang berkualiti kerana prosesnya yang agak rumit dan terperinci melibatkan kuantiti data yang besar. Kelebihan PRISMA adalah dapat menunjukkan elemen ketelusan, konsisten dan piawai yang tinggi bagi menghasilkan laporan kajian kualitatif melalui proses-proses tertentu (Flemming et.al 2018). Proses ini adalah proses yang bersistematik, prosedur yang jelas bagaimana ia dihasilkan dan skop yang menyeluruh merangkumi semua bahan yang berkaitan serta boleh diguna kembali (*replicate*) pengkaji lain dengan pendekatan yang sama bagi membincangkan sesuatu topik (Okoli 2015). Kelebihan menggunakan kaedah sorotan bersistematik dengan kaedah PRISMA dalam bidang sains sosial ini adalah, karya-karya yang diperoleh adalah dari sumber data yang bermutu dan diakui oleh semua penyelidik, dapat menjelaskan limitasi kajian dengan bantuan kata kunci, malah dengan garis panduan ini juga membantu penulis dari membuang masa dan tertanya-tanya jika sorotan karya mereka telah mencukupi (Okoli 2015). PRISMA membantu penulis mengesan karya-karya literatur yang tepat mengikut objektif kajian melalui empat proses-proses berikut, iaitu proses pengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan rangkuman (*inclusion*) (Gilath & Karantzas, 2019). PRISMA juga membantu meneliti pangkalan data penulisan ilmiah yang membolehkan carian kata kunci dan istilah yang tepat dalam kajian pengulangan kes jenayah di Malaysia.

2.1 Sumber

Proses pencarian artikel yang berkaitan adalah dengan menggunakan pangkalan data SCOPUS. Ianya merupakan pangkalan data komprehensif yang memuatkan artikel ilmiah dalam pelbagai bidang (Gusenbauer dan Haddaway, 2019). Ia juga mengawal kualiti penerbitan dengan hanya mengindeks penerbit yang memenuhi piawaian yang ditetapkan.

2.2 Pengenalpastian

Pengenalpastian bagi kajian ialah proses mencari sinonim, terma yang sesuai dan istilah yang berkaitan. Dalam peringkat ini, kata kunci yang relevan dengan fokus kajian telah dikenal pasti berdasarkan persoalan kajian seperti yang dicadangkan oleh Okoli (2015). Kata kunci yang digunakan dalam kajian ini ialah “recidivism” OR “relapse” AND “deviant” OR “delinquent” OR “crime” OR “prisoner” AND “rehabilitation”

yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu, permasalahan kajian, subjek kajian dan medium kajian. Proses carian dilakukan menerusi siri carian (*search string*) dalam pangkalan data Scopus menggunakan kata kunci seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1. Kata kunci dan dapatan

Bil	Pangkalan Data	Kata Kunci	Dapatan
1	Scopus	((<i>"recidivism"</i> OR <i>"relapse"</i>) AND (<i>"deviant"</i> OR <i>"delinquent"</i> OR <i>"crime"</i> OR <i>"prisoner"</i>) AND (<i>"rehabilitation"</i>)) AND (LIMIT-TO (<i>AFFILCOUNTRY</i> , <i>"Malaysia"</i>))	57

Hasil carian dalam pangkalan data Scopus menemui 12,609 dapatan carian sebelum dikhususkan pada negara Malaysia. Dapatan carian mendapati 57 artikel yang berkaitan dengan kata kunci dan Negara Malaysia. Semua dapatan kajian ini meliputi artikel kajian, ulasan kajian, ulasan, meta analisis, buku, siri buku, tajuk dalam buku dan persidangan.

Setelah di tapis, hanya 11 artikel yang dipilih sebagai bahan kajian.

2.3 Saringan

Dapatan kajian yang terdiri dari 57 artikel kemudiannya diisih berdasarkan persoalan kajian supaya memperoleh hasil yang memuaskan dan relevan untuk dianalisis. Justeru itu, sebanyak 4 kriteria tapisan yang telah digunakan. Pertama, artikel yang dipilih mestilah artikel yang terkini iaitu lima tahun kebelakangan antara 2017 hingga 2021. Kedua, kajian mestilah dibuat di Malaysia dan respondennya juga mesti dalam kalangan orang Malaysia kerana kajian ini tertumpu pada negara Malaysia. Ketiga, artikel yang diterima ialah artikel dari jurnal sahaja (artikel kajian) kerana ia merupakan sumber primer yang menawarkan data empirikal. Dengan ini, semua penerbitan lain seperti buku, siri buku, tajuk dalam buku dan persidangan dikecualikan daripada kajian terkini. Keempat bidang kajian yang dipilih ialah bidang sains sosial, dan bidang sastera & kemanusiaan kerana keduanya merupakan bidang yang berkait dengan aspek pengulangan kes jenayah atau residivisme. Berikut adalah ringkasan kriteria penerimaan dan penolakan artikel.

JADUAL 2 : Kriteria Penerimaan dan Penolakan

Bil	Kriteria	Penerimaan	Penolakan
1.	Tempoh masa	2017-2021	< 2016 ke bawah
2.	Jenis penulisan	Artikel jurnal	Artikel bukan jurnal
3.	Kawasan	Malaysia	Luar Malaysia
4.	Bidang	Sains Sosial; Sastera dan Kemanusiaan	Selain Sains Sosial; Sastera dan kemanusiaan

Berdasarkan kepada kriteria yang disebutkan di atas, sebanyak 57 artikel yang telah diperolehi dari Scopus.

2.4 Kelayakan

Kelayakan adalah proses memilih secara manual artikel yang telah disenaraikan dengan cara membaca tajuk dan abstrak. Ia akan memilih artikel yang berkaitan dengan permasalahan kajian iaitu pengulangan kes jenayah atau relaps dalam kesalahan yang dilakukan setelah keluar dari pusat pemulihan di Malaysia. Jenis artikel yang dipilih pula mestilah bersifat empirikal sama ada kualitatif mahupun kuantitatif. Hasil dari proses, sebanyak 11 artikel yang berjaya ditemui dari pangkalan data scopus yang menepati kriteria yang ditetapkan. Berikut merupakan 11 artikel yang terpilih untuk direviu dalam Jadual 3 di bawah :

JADUAL 3 : Artikel review yang dipilih dalam kajian ini


Bil	Pengkaji	Tajuk	Sampel	Populasi	Metode
1.	Tharshini N.K., Ibrahim F., Mohamad M.S., Zakaria E. (2021)	The influence of self-concept, sense of community and social support towards social integration among young offenders in Malaysia	306 pesalah muda lelaki (18-21 tahun) dan telah menyempurnakan perintah sekurang-kurangnya selama dua tahun.	Pesalah muda terdiri daripada 3 kumpulan etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India yang menjalani Perintah Khidmat Masyarakat di bawah pantauan JKM	Kuantitatif – tinjauan keratan rentas
2.	Jasni M.A.B., Bakar Ah S.H.A., Nasir N.C.M. (2020)	Three major interrelated factors contributing to homelessness issue among former prisoners in Malaysia	19 bekas banduan dipilih melalui teknik pensampelan bola salji	Bekas banduan terdiri daripada bekas banduan, penagih dadah dan pekerja seks yang merupakan pelanggan IKHLAS, Persatuan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Chow Kit Road	Kualitatif – <i>phenomenology research design</i>
3.	Cheah P.K., Unnithan N.P., Raran A.M.S (2020)	Rehabilitation Programs for Incarcerated Drug Offenders in Malaysia: Experience-Based Perspectives on Reintegration and Recidivism	14 orang peserta kajian (12 orang banduan yang merupakan residivis (ditemu bual di penjara), 1 orang bekas penagih dadah yang residivis tetapi tidak berada di penjara dan 1 orang bekas penagih dadah yang menguruskan pusat pemulihan dadah (ditemu bual di pusat pemulihan	Penagih dadah atau bekas penagih dadah di Malaysia	Kualitatif fenomenologi – <i>Interpretive Phenomenological Analysis (IPA)</i>

			dadah).		
4.	Muneeswaran A.S., Attalla S.M., Yin E.T.L. (2020)	Quality of life and tendency to aggression among relapsed and first time substance abusers: A comparative assessment study	417 responden lelaki berumur 18 tahun dan ke atas	Pesakit yang dipilih dari 5 Pusat Pemulihan <i>Cure & Care</i> (CCRC) di Semenanjung Malaysia.	Kuantitatif
5.	Hassan N., Kendrick A., Ibrahim F. (2020)	The quality of life of young offenders in juvenile justice institutions	289 pesalah lelaki dan wanita (12 - 21 tahun)	Pesalah remaja di 8 buah institusi keadilan juvana di Malaysia	Kuantitatif - Measuring Quality of Prison Life (MPQL)
6.	Ibrahim F., Zakaria E., Sarnon N., Nen S., Hassan N. (2019)	Relationship between emotional disturbance, family conflict, social pressure and drug craving among former drug addicts	380 bekas penagih	Bekas penagih yang menamatkan program pemulihan di Pusat Penyembuhan dan Pemulihan Penjagaan (CCRC) dan telah menjalani tempoh penyeliaan oleh Agensi Anti-dadah Kebangsaan (AADK)	Kuantitatif - Kajian Tinjauan (<i>Cross Sectional Design</i>)
7.	Mohamad M., Mohammad M., Salleh F., Abd Ghani M., Ramli R., Afthanorhan A. (2019)	The antecedent and consequence of youth drug abusers' life satisfaction: Delinquency behavior as the mediator	Temu duga peribadi di enam Pusat Pemulihan Dadah di Kelantan dan Pahang. Sebanyak 275 soal selidik diberikan kepada responden yang terpilih (boleh membaca dan menulis; berumur 15 – 40 tahun	6 Pusat Pemulihan Dadah di Kelantan dan Pahang.	Kuantitatif – Kajian Tinjauan (<i>Cross Sectional Design & Systematic Sampling Method</i>)
8.	Low S.K., Tan S.A., Nainee S., Viapude G.N., Kailsan R. (2018)	The Association of Parental Monitoring and Peer Rejection on Antisocial Behavior among Malaysian Juvenile Offenders	360 pesalah juvana yang dipilih secara rawak	Pesalah Juvana dari 3 buah sekolah Tunas Bakti (TBS) yang terletak di Semenanjung Malaysia.	Kuantitatif – Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih ketiga-3 sampel sekolah daripada 9 (TBS) di Malaysia
9.	Khan F., Krishnan A., Ghani M.A., Wickersham J.A., Fu J.J.,	Assessment of an Innovative Voluntary Substance Abuse Treatment Program Designed to Replace	96 pesakit (47 daripada 50 pesakit dalam dan 49 daripada 684	Pesakit Dadah daripada pusat <i>Cure and Care</i> (C&C) Centre yang bertempat di	Kuantitatif - Kajian Tinjauan (<i>Cross Sectional Design</i>)

	Lim S.H., Dhaliwal S.K., Kamarulzama n A., Altice F.L. (2018)	Compulsory Drug Detention Centers in Malaysia	pesakit luar yang memenuhi kriteria minimum telah dikaji. Semua temu bual adalah sulit dan dijalankan di dalam bilik persendirian oleh pembantu penyelidik terlatih yang mahir berbahasa Malaysia. Semua individu yang ditemu bual akan menerima RM30 ringgit Malaysia.	Kota Bharu yang menyediakan rawatan dadah secara sukarela dan komprehensif yang memfokuskan pada rawatan berasaskan bukti dan strategi pengurangan bahaya.	
10.	Yin L.C., Zakaria A.R. (2017)	The correlation between determinants of frequent relapse in deviance	706 pesalah di penjara dan banduan Pusat Pemulihan.	Banduan di negeri terpilih di Malaysia	Kuantitatif – analisis deskriptif dan inferensi
11.	Bazazi A.R., Wickersham J.A., Wegman M.P., Culbert G.J., Pillai V., Shrestha R., Al-Darrajji H., Copenhaver M.M., Kamarulzama n A., Altice F.L. (2017)	Design and implementation of a factorial randomized controlled trial of methadone maintenance therapy and an evidence-based behavioral intervention for incarcerated people living with HIV and opioid dependence in Malaysia	400 peserta, 100 setiap cabang kajian	Banduan dan bekas banduan di Penjara Kajang dan Pengkalan Chepa yang hidup dengan HIV dan pergantungan opiod. Individu telah direkrut semasa dipenjarakan dan diikuti selama 12 bulan selepas dibebaskan	Borang soal selidik :(<i>36-Item Short Form Health Survey</i>) (SF-36); <i>Addiction Severity Index 5th edition, ASI</i>). Temu bual :(<i>psychiatrist- administered Mini International Neuropsychiatric Interview, MINI</i>) Selepas keluar daripada penjara, penyertaan adalah secara sukarela. Semua peserta ditawarkan pengangkutan ke tapak penyelidikan di mana bilik temu duga tersedia. Peserta akan menerima RM130 pada hari pelepasan untuk masa dan kos pengangkutan mereka bagi lawatan susulan.

Hasil daripada gabungan artikel yang layak di sorot dari pangkalan data SCOPUS ialah sebanyak sebelas artikel yang diperolehi. Tema utama yang di sorot ialah faktor yang menyebabkan pengulangan kes jenayah. Berikut adalah ringkasan proses pengenalanpastian sumber, saringan, kelayakan dan rangkuman berdasarkan kepada carta alir PRISMA yang diadaptasi daripada Kara bulut-Ilgu, Jaramillo Cherrez, dan Jahren (2018). Berdasarkan kepada Jadual 4 di atas, penulisan tentang pengulangan kes jenayah dalam kalangan bekas banduan di Malaysia belum mendapat tumpuan dalam kalangan ahli akademik.

Rajah 1 : Proses pemilihan artikel diadaptasi daripada Karabulut-Ilgu, Jaramillo Cherrez & Jahren (2018)



3. Dapatan

Tujuan artikel ini ialah untuk menganalisis kajian yang telah dibuat tentang pengulangan jenayah. Banyak kajian yang mengaitkan pengulangan dengan dadah, tetapi adakah pengulangan itu berkait dengan jenayah yang lain selain dadah di Malaysia. Berikut merupakan jadual tempoh masa pengulangan jenayah yang berlaku setelah dibebaskan daripada penjara.

Jadual 4 : Tempoh Masa Pengulangan Jenayah Berlaku Setelah dibebaskan Penjara

Bil	Nama Pengarang	Banduan Dadah	Banduan Biasa
1.	Jasni M.A.B., Bakar Ah S.H.A., Nasir N.C.M. (2020)	Sebaik sahaja keluar daripada penjara	1 bulan
2.	Cheah P.K., Unnithan N.P., Raran A.M.S (2020)	Beberapa jam setelah keluar daripada penjara	-
3.	Khan F., Krishnan A., Ghani M.A., Wickersham J.A., Fu J.J., Lim S.H.,	2 minggu setelah keluar	-

- Dhaliwal S.K., Kamarulzaman A., Altice F.L. (2018) penjara yang disusuli dengan pemantauan dari Pusat *Cure and Care* iaitu pemulihan dadah secara sukarela oleh bekas banduan
4. Bazazi A.R., Wickersham J.A., Wegman M.P., Culbert G.J., Pillai V., Shrestha R., Al-Darraji H., Copenhaver M.M., Kamarulzaman A., Altice F.L. (2017) **1 bulan** setelah keluar daripada penjara disusuli dengan pemantauan

3.1 Pola pengulangan dalam kategori kes jenayah

Berdasarkan kepada carian dalam pangkalan data yang terpilih, kajian pengulangan dalam kategori kes jenayah banyak tertumpu pada pengulangan kes dadah dan pesalah muda (Juvana). Dari 11 artikel yang dipilih 7 daripadanya adalah kes dadah manakala 4 selebihnya adalah pesalah muda (Juvana). Jasni, Bakar & Nasir (2020); Cheah, Unnithan & Raran (2020); Muneeswaran, Attala & Yin (2020); Ibrahim et.al. (2019); Mohamad et.al, (2019); Khan et. al, (2018); Bazazi et. al, (2017) yang mengkaji tentang pengulangan kes dadah. Manakala Tharshini et.al, (2021); Hassan, Kendrick & Ibrahim (2020); Low et.al, (2018); dan Yin & Zakaria (2017) mengkaji tentang pengulangan jenayah dalam kalangan pesalah muda (Juvana)

Jasni, Bakar & Nasir (2020) mengkaji tentang tiga faktor utama yang menyumbang kepada isu gelandangan dalam kalangan bekas banduan di Malaysia yang menggunakan kaedah kualitatif ke atas 19 bekas banduan penagih dadah dan pekerja seks yang merupakan pelanggan daripada Persatuan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Chow Kit Road, Kuala Lumpur. Kajian tersebut menunjukkan tiada sokongan keluarga, tiada pekerjaan dan ketagihan dadah telah membawa mereka kembali kepada dadah dan hidup sebagai gelandangan. Manakala Cheah, Unnithan & Raran (2020) yang mengkaji tentang pengalaman bekas banduan mengenai pengintegrasian semula dan kembali residivis turut menggunakan metode kualitatif fenomenologi yang menggunakan *Interpretive Phenomenological Analysis* (IPA) untuk meneroka secara terperinci bagaimana peserta memahami dunia sosial dan pengalaman dalam tempoh tahanan bagi peserta. Kajian ini dijalankan ke atas 14 orang peserta terdiri daripada 12 orang banduan yang merupakan residivis, 1 orang bekas penagih yang residivis tetapi ditempatkan di pusat pemulihan dan 1 orang bekas penagih dadah yang menguruskan pusat pemulihan dadah. Kajian ini mendapati bahawa program rawatan yang dijalani tidak mencukupi dalam membaik pulih golongan residivis dan kembali ke penjara semula adalah biasa.

Manakala kajian tentang perbandingan kualiti hidup dan kecenderungan kepada salah laku dalam kalangan pesalah dadah berulang dan kali pertama dijalankan oleh Muneeswaran, Attala & Yin (2020) yang menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 417 responden lelaki yang berumur 18 tahun ke atas dari 5 Pusat Pemulihan *Cure & Care* (CCRC) di semenanjung Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa faktor umur dan taraf perkahwinan mempengaruhi kepada pengulangan semula pengambilan dadah dalam kalangan mereka. Pesalah

muda dan belum berkahwin lebih cenderung untuk mengambil dadah kembali kerana merasakan dadah memberi kesenangan dan mampu mengatasi tekanan hidup. Ibrahim et.al. (2019) pula mengkaji tentang hubungan antara gangguan emosi, konflik keluarga, tekanan sosial dan keinginan pengambilan dadah di kalangan bekas penagih dadah turut sama menggunakan metode kuantitatif. Seramai 380 orang bekas penagih berbilang kaum dipilih secara berperingkat. Persampelan rawak berstrata digunakan pada peringkat pertama untuk memilih pusat pengawasan AADK dengan bilangan bekas penagih tertinggi. Kemudian persampelan rawak sistematik telah digunakan untuk memilih peserta dari setiap zon. Hasil kajian ini menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif antara ketagihan dadah dengan gangguan emosi, konflik keluarga dan tekanan sosial.

Kajian Kuantitatif dengan kaedah tinjauan digunakan dalam kajian Mohamad et.al (2019) ke atas penagih dadah di 6 buah Pusat Pemulihan Dadah di Kelantan dan Pahang. Sebanyak 275 soal selidik diedarkan kepada responden yang boleh membaca dan menulis yang berumur 15-40 tahun. Kajian ini membincangkan tentang hubungan antara kepuasan hidup, tingkah laku delinkuen dan penyalahgunaan dadah. Kajian ini mendapati bahawa peningkatan dalam kepuasan hidup akan mengurangkan tingkah laku delinkuen dan penyalahgunaan dadah di kalangan belia dengan meningkatkan bantuan sokongan sosial. Khan et.al (2018) turut menggunakan kaedah yang sama ke atas 96 pesakit dadah dalam dan luar pusat *Cure & Care (C&C) Centre* yang bertempat di Kota Bharu yang menyediakan rawatan dadah secara sukarela. Kajian ini menunjukkan bahawa pusat ini membantu pesakit dalam mengurangkan pengulangan penggunaan dadah kerana pesakit sentiasa dipantau. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan Bazazi et.al (2017) yang turut sama menggunakan konsep yang sama iaitu memberi pantauan sebelum dan selepas keluar daripada penjara. Kajian ini memantau 400 orang banduan dari penjara Kajang dan Pengkalan Chepa yang hidup dengan HIV dan pergantungan opioid. Mereka telah direkrut semasa dipenjarakan dan akan diikuti selama 12 bulan selepas dibebaskan. Hasil kajian menunjukkan kesan daripada pantauan dan ubat yang diberi mampu mengurangkan pengulangan semula bekas banduan terhadap penggunaan dadah tersebut.

Kajian ke atas pesalah muda (Juvana) kesemuanya menggunakan metode kuantitatif (Tharshini et.al, 2021; Hassan, Kendrick & Ibrahim. 2020; Low et. al, 2018; dan Yin & Zakaria. 2017) Tharshini et.al, (2021) mengkaji tentang faktor konsep sendiri, kesedaran komuniti dan sokongan sosial terhadap pengintegrasian sosial bagi pesalah muda di Malaysia. Kajian dijalankan ke atas 306 pesalah muda lelaki yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India yang menjalani Perintah Khidmat Masyarakat di bawah pantauan JKM. Kajian ini menunjukkan bahawa sokongan sosial daripada rakan dan keluarga dan kesedaran komuniti akan melahirkan konsep sendiri yang positif yang akan membantu pesalah untuk berintegrasi semula dengan masyarakat. Hassan, Kendrick & Ibrahim (2020) menggunakan *Measuring Quality of Prison Life (MPQL)* iaitu soal selidik lapor diri yang menekankan kepentingan persepsi dan pengalaman banduan dalam memahami kehidupan di Institusi. Kajian dijalankan ke atas 289 orang pesalah lelaki dan wanita yang berumur lingkungan 12-21 tahun iaitu pesalah remaja dari 8 buah institusi keadilan Juvana di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa majoriti pesalah remaja dilihat memiliki tahap kualiti kehidupan yang sederhana di institusi. Kebarangkalian untuk pesalah remaja ini kembali ke penjara adalah besar. Low et. al, (2018) pula mengkaji tentang pemantauan ibu bapa dan penolakan rakan sebaya terhadap tingkah laku antisosial dalam kalangan pesalah juvana di Malaysia. Kajian ini

dijalankan ke atas 360 pesalah juvana yang dipilih secara rawak dari 3 buah Sekolah Tunas Bakti (TBS) yang terletak di Semenanjung Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa pemantauan ibu yang lemah dan penolakan rakan sebaya akan membawa kepada tingkah laku antisosial iaitu akan cenderung melakukan pencerobohan dan kembali kepada jenayah. Yin & Zakaria (2017) pula mengkaji tentang korelasi antara tekanan dan kemurungan; faktor agama; ketidakadilan sosial dan hasil pemulihan sebagai penentu kekerapan pengulangan kes jenayah. Kajian tersebut dijalankan ke atas 706 pesalah di penjara dan banduan di pusat pemulihan. Kajian tersebut menunjukkan korelasi antara tekanan dan kemurungan, faktor agama, ketidakadilan sosial dan hasil pemulihan adalah positif signifikan. Penentu yang dikaji dalam kajian ini saling berkaitan dalam mempengaruhi kekerapan pengulangan kes jenayah.

Berdasarkan kajian lepas, kajian masih lagi terhad untuk membuat gambaran menyeluruh tentang pengulangan kes jenayah seperti hamil luar nikah, zina, sumbang mahram dan lain-lain. Hanya terdapat tujuh kajian berkaitan pengulangan kes dadah dan empat lagi kajian berkaitan kes juvana. Justeru, kajian seperti ini perlu diperbanyakkan dan dipelbagaikan lagi oleh akademia.

3.2 Faktor penyebab pengulangan kes jenayah

Berikut merupakan jadual faktor penyebab pengulangan kes jenayah yang dikeluarkan dari artikel yang direviu.

Jadual 5 : Faktor penyebab pengulangan kes jenayah

Bil.	Nama Pengarang	Faktor Pengulangan Kes Jenayah
1.	Tharshini N.K., Ibrahim F., Mohamad M.S., Zakaria E. (2021)	1. Konsep Diri yang Negatif 2. Kurang Kesedaran Komuniti 3. Tiada Sokongan Sosial
2.	Jasni M.A.B., Bakar Ah S.H.A., Nasir N.C.M. (2020)	1. Tiada Sokongan Keluarga 2. Tiada Peluang Pekerjaan 3. Ketagihan Dadah
3.	Cheah P.K., Unnithan N.P., Raran A.M.S (2020)	1. Gagal Integrasi dalam Masyarakat 2. Gangguan Emosi 3. Menjual Dadah untuk Mencapai Matlamat dengan Mudah
4.	Muneeswaran A.S., Attalla S.M., Yin E.T.L. (2020)	1. Mencari Dadah untuk Kesenangan 2. Tahap Pendidikan yang Rendah 3. Gunakan Dadah untuk mengatasi Tekanan
5.	Hassan N., Kendrick A., Ibrahim F. (2020)	1. Tiada Sokongan Sosial 2. Kualiti Kehidupan yang rendah di Pusat Pemulihan 3. Layanan yang Kurang Profesional oleh kakitangan Pusat Pemulihan
6.	Ibrahim F., Zakaria E., Sarnon N., Nen S., Hassan N. (2019)	1. Gangguan Emosi 2. Konflik Keluarga

- | | |
|--|--|
| | 3. Tekanan Sosial |
| 7. Mohamad M., Mohammad M., Salleh F., Abd Ghani M., Ramli R., Afthanorhan A. (2019) | 1. Tiada Sokongan Sosial daripada Rakan-rakan
2. Kepuasan Hidup yang Kurang |
| 8. Low S.K., Tan S.A., Nainee S., Viapude G.N., Kailsan R. (2018) | 1. Pemantauan Ibu Bapa yang Lemah
2. Penolakan Rakan Sebaya |
| 9. Yin L.C., Zakaria A.R. (2017) | 1. Tekanan dan Kemurungan
2. Kurang Didikan Agama
3. Ketidakadilan Sosial
4. Program Pemulihan yang Kurang Memberangsangkan |

4. Perbincangan

4.1 Pola kajian Pengulangan dalam kategori kes jenayah

Secara umumnya, kajian tentang pola pengulangan dalam kategori kes jenayah dalam kalangan bekas banduan atau bekas pelatih pusat pemulihan di Malaysia masih lagi terhad. Kajian lebih tertumpu pada relaps kes dadah dalam kalangan bekas banduan atau penagih dadah. Tidak dinafikan lagi bahawa kes dadah sudah pasti dikaitkan dengan pelbagai kes jenayah, seperti yang dinyatakan oleh Zakaria (1994) bahawa terdapat kaitan rapat antara penagihan dengan kejadian jenayah. Oleh kerana kehilangan keupayaan dan daya pemikiran untuk berusaha mendapatkan sesuatu, pengguna dadah akan menggunakan pelbagai cara termasuk melakukan jenayah seperti mencuri, merompak, memecah rumah dan sebagainya bagi mendapatkan wang untuk membeli dadah (Zakaria, 1994).

Daripada 11 kajian yang terpilih, 7 daripadanya adalah pengulangan kes dadah. Kajian Jasni, Bakar & Nasir (2020); Cheah, Unnithan & Raran (2020); Muneeswaran, Attala & Yin (2020); Ibrahim et.al. (2019); Mohamad et.al. (2019) tertumpu pada sebuah kajian tentang pengulangan kes dadah yang mengkaji tentang faktor penyebab relaps dalam pengambilan dadah. Manakala 2 kajian lagi menumpukan aspek rawatan kepada penagih dadah berulang bagi mengurangkan pengambilan dos dadah tersebut. Berdasarkan tempoh waktu relaps seseorang penagih dadah, kebiasaannya hanya mengambil masa beberapa jam sebaik sahaja keluar daripada penjara bagi memenuhi keinginannya terhadap dadah (Jasni, Bakar & Nasir, 2020 ; Cheah, Unnithan & Raran, 2020). Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Khan et. al, (2018) dan Bazazi et. al, (2017) yang menumpukan rawatan susulan kepada bekas penagih yang keluar daripada penjara. Tempoh waktu relaps bagi bekas penagih ini mengambil masa sebulan. Ini membuktikan bahawa jika terdapat rawatan susulan dan keinginan berubah daripada bekas penagih dadah, secara tidak langsung akan membantu mereka untuk keluar dari belunggu najis dadah.

Kajian selebihnya merupakan kajian tentang pesalah muda (Juvana). Piquero et.al. (2015) menyatakan bahawa pesalah muda memiliki naluri memberontak yang tinggi, kawalan diri yang rendah serta ketidakstabilan emosi telah mendorong pesalah muda untuk terlibat dengan gejala antisosial. Hasil kajian Tharshini et.al. (2021) mendapati

bahawa kebanyakan pesalah muda berstatus bujang yang belum berkahwin akan merasa tidak terikat dengan sebarang tanggungjawab (Blokland dan Paul, 2005). Situasi ini dijangka telah memberi kebebasan kepada pesalah muda untuk melakukan apa sahaja kerana kesan daripada perbuatan tersebut tidak akan memberi kesan buruk kepada pasangan mahupun anak-anak mereka. Kajian yang dilaksanakan Hassan, Kendrick & Ibrahim (2020) lebih tertumpu pada kualiti hidup pesalah muda di institusi keadilan Juvana yang sederhana. Layanan yang kurang mesra dan kurang profesional daripada kakitangan institusi sedikit sebanyak mempengaruhi emosi pesalah muda dan menjadikan mereka hilang kepercayaan diri. Kemungkinan besar untuk mereka kembali kepada jenayah adalah tinggi. Kesemua kajian yang mengkaji tentang pesalah muda merupakan kajian kuantitatif. Sebahagian besar kesalahan pesalah muda ini lebih tertumpu pada masalah kecurian. Menurut Mouzos dan Carcach (2001), seseorang individu yang terlibat dengan kegiatan mencuri disebabkan faktor kesempitan kewangan serta terpengaruh dengan dorongan nafsu untuk mendapatkan barang yang diinginkan tanpa perlu bekerja keras. Proses pengintegrasian sosial bagi pesalah muda adalah lebih mencabar berbanding pesalah dewasa kerana golongan ini tidak mempunyai pengalaman, pengetahuan serta kemahiran yang mencukupi untuk berhadapan dengan penerimaan negatif daripada masyarakat malah akan meningkatkan risiko residivisme atau pengaruh rakan yang mengambil dadah pada masa hadapan (Shinkfield & Graffam 2009; Tharshini et.al. 2021).

Dari sini didapati bahawa kajian tentang pengulangan kes jenayah di Malaysia masih lagi sedikit. Kajian berkaitan pengulangan masalah sosial yang lain seperti hamil luar nikah, zina, pergaulan bebas, sumbang mahram, jenayah siber dan lain-lain masih lagi terhad. Kajian-kajian yang dinyatakan di atas lebih tertumpu pada penagihan dadah. Hanya empat kajian berkaitan kes juvana, dan kes jenayah yang melibatkan harta benda. Menurut Sidhu (2005); Nor.Ina e tal. (2013); dan Pokhariyal & Muthuri (2003) menyatakan bahawa peningkatan perlakuan jenayah ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kesan daripada kemajuan sains dan teknologi serta faktor perbandaran. Justeru itu, kajian-kajian seperti ini perlu diperbanyakkan lagi untuk kegunaan akademik dan pihak berwajib bagi sama-sama menanganinya.

4.2 Faktor penyebab pengulangan kes jenayah

Berdasarkan kepada artikel-artikel yang telah direviu kebanyakan menyatakan bahawa tiada sokongan sosial merupakan salah satu faktor utama berlaku pengulangan dalam kes dadah mahupun jenayah (Tharshini et.al. 2021; Jasni, Bakar & Nasir 2020; Hassan, Kendrick & Ibrahim 2020; Ibrahim et.al. 2019; Mohamad et.al, 2019; Low et.al. 2018; Yin & Zakaria 2017). Sokongan sosial amat diperlukan oleh bekas banduan sebaik sahaja keluar daripada penjara kerana mereka memerlukan bantuan untuk meneruskan hidup sebagai bekas banduan. Cabaran pertama yang dihadapi oleh mana-mana bekas banduan ialah untuk mencari kediaman sejurus selepas dibebaskan. Perkara pertama yang terlintas di fikiran mereka ialah "Di mana saya boleh tidur malam ini?" (Ramirez, 2016). Majoriti bekas banduan tidak diterima baik oleh ahli keluarga sehingga membolehkan mereka menjadi gelandangan dan seterusnya mampu membawa mereka kembali meneruskan perangai lama mereka (Jasni, Bakar & Nasir 2020).

Selain itu, kurang kesedaran komuniti juga merupakan faktor yang mendorong mereka kembali ke tabiat lama mereka (Tharshini et.al. 2021; Jasni, Bakar & Nasir 2020;

Cheah, Unnithan & Raran 2020). Persepsi negatif yang dilontarkan komuniti kepada bekas banduan telah menyekat mereka untuk mendapatkan pekerjaan bagi memulakan kehidupan baru. Justeru itu, masyarakat perlu diberi kesedaran untuk memberi peluang kepada bekas banduan keluar dari kepompong lama dan memiliki kehidupan yang sihat dan positif. Menurut Ward (2020), faktor kesedaran komuniti mampu meningkatkan motivasi pesalah muda untuk menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat, mendorong pesalah muda memainkan peranan yang bermakna dalam komuniti serta mengurangkan risiko keterasingan sosial bagi individu yang pernah terlibat dengan kesalahan jenayah. Oleh yang demikian, dimensi kesedaran komuniti juga perlu diberi penekanan yang sewajarnya bagi membantu pesalah muda untuk berjaya dalam proses pengintegrasian sosial.

Seterusnya, konsep sendiri yang negatif atau gangguan emosi juga penyebab golongan ini mengambil jalan mudah untuk kembali ke tabiat buruk kerana berasa selesa pada kehidupan yang lama tanpa perlu berhadapan dengan tohmahan dan cacian daripada masyarakat (Tharshini et.al. 2021; Cheah, Unnithan & Raran 2020; Ibrahim et.al. 2019; Yin & Zakaria 2017). Menurut Verrechia et al. (2010), pesalah muda yang mempunyai konsep sendiri yang positif berasa yakin untuk berinteraksi dan meluaskan jaringan sosial dengan masyarakat. Malah Graham dan Haidt (2010) turut menjelaskan bahawa konsep sendiri yang positif dapat membantu seseorang banduan agar berfikir secara terbuka semasa menerima kritikan dan persepsi negatif daripada persekitaran sosial serta mampu meningkatkan sikap prihatin terhadap keperluan orang lain. Jenkins dan Demray (2012) pula menjelaskan bahawa memiliki konsep sendiri yang positif dan kestabilan emosi akan membantu meningkatkan motivasi dalam diri banduan serta memberi keyakinan kepada mereka untuk menyuarakan pendapat apabila berkomunikasi dengan masyarakat sekaligus membantu banduan untuk berjaya dalam proses pengintegrasian sosial.

Ketiga-tiga faktor ini merupakan faktor yang dinyatakan dalam artikel-artikel yang telah direviu. Masih terdapat banyak lagi faktor lain yang mendorong bekas banduan kembali melakukan jenayah lebih-lebih lagi bekas penagih dadah yang tidak dapat menahan diri daripada ketagihan dadah. Bekas penagih dadah merupakan golongan yang mudah untuk kembali semula ke kehidupan gelap mereka kerana sering dikejar oleh rakan-rakan penagih dadah. Di samping itu, penolakan keluarga terhadap mereka telah membawa mereka cenderung untuk mengambil dadah semula. Malah penagih dadah turut merasakan bahawa dadah mampu memberi kesenangan, mampu mengatasi tekanan dan mampu mencapai matlamat dengan cepat dan mudah. Justeru itu, kawalan atau pantauan terhadap bekas penagih dadah perlu dilaksanakan agar dapat membantu mereka keluar dari belunggu najis dadah.

5. Implikasi dan Cadangan

5.1 Implikasi dan cadangan kepada Jabatan Penjara Malaysia

Jabatan Penjara Malaysia ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Penjara merupakan tempat di mana pesalah disabitkan hukuman oleh pihak mahkamah. Malah ia juga merupakan sebuah institusi penahanan dan pemulihan yang memiliki jentera dan kekuatan sumber manusia yang berkualiti serta proaktif dalam melaksanakan tugas.

Namun, keberkesanan pemulihan belum dapat diukur dengan baik kerana sebilangan besar di antara banduan tidak mendapat kehidupan yang baik setelah keluar daripada penjara. Kurang kepercayaan diri dan tiada sokongan sosial terhadap pengintegrasian sosial merupakan faktor utama banduan kecundang dan kembali melakukan jenayah.

Justeru itu, pihak penjara perlu memantapkan lagi keberkesanan modul pemulihan dan mengukuhkan lagi sistem sokongan sosial daripada persekitaran sosial di penjara agar banduan lebih bersedia untuk mengubah tingkah laku negatif yang terdapat dalam diri mereka dan mampu mengintegrasikan diri dalam persekitaran sosial. Selain itu, pengukuhan konsep sendiri yang positif dalam kalangan banduan juga perlu dititikberatkan agar bekas banduan memiliki kepercayaan diri dan berfikir secara terbuka semasa menerima kritikan dan persepsi negatif daripada persekitaran sosial, meningkatkan kemahiran daya tindak, mengelakkan sikap mementingkan diri sendiri serta meningkatkan sikap prihatin terhadap keperluan orang lain. Kajian juga mendapati bahawa sokongan sosial yang diterima daripada persekitaran sosial dapat membantu pesalah membina konsep sendiri yang positif serta berjaya mengubah persepsi mereka terhadap masyarakat.

5.2 Implikasi dan cadangan kepada Pusat Pemulihan Agensi Dadah Kebangsaan

Agensi Anti Dadah Kebangsaan merupakan agensi yang bersama masyarakat dalam mencegah penyalahgunaan dadah di Malaysia. Selain melakukan pencegahan, dan penguatkuasaan undang-undang, AADK turut bertanggungjawab dalam merawat, memberi perubatan dan pemulihan terhadap penagih dadah di Malaysia.

Berdasarkan dapatan kajian, rawatan dan pemulihan yang diberikan terhadap penagih dadah tidak memberi jaminan sepenuhnya bahawa mereka akan bebas dari dadah. Kajian mendapati bahawa bekas penagih dadah akan kembali kepada dadah setelah beberapa jam keluar daripada pusat pemulihan AADK. Ini membuktikan bahawa rawatan dan pemulihan yang diberikan kurang mendatangkan implikasi yang positif terhadap bekas penagih dadah. Kajian juga mendapati bahawa pemantauan dan pemulihan yang kurang selepas keluar daripada penjara atau pusat pemulihan AADK akan menyebabkan penagih dadah kembali ke habitat asal.

Justeru, kajian mencadangkan agar pihak AADK menjalankan pemantauan selepas keluar daripada penjara atau pusat pemulihan dalam beberapa tempoh masa tertentu seperti empat ke enam bulan setelah keluar. Ini kerana tempoh pemantauan tersebut akan membantu mereka dalam mengukuhkan jati diri, memberi semangat dan jiwa baru dalam mendepani cabaran dan ujian yang mendatang. Jaminan pekerjaan dan tempat tinggal juga akan memberi semangat dan kudrat baru kepada bekas penagih dalam memulakan kehidupan serta membantu bekas penagih dalam menjalani proses integrasi bersama masyarakat.

5.3 Implikasi dan cadangan kepada Pusat Pemulihan Akhlak atau Juvana di Malaysia

Pusat Pemulihan Akhlak dan Juvana merupakan pusat yang menghimpunkan pesalah remaja yang terlibat dalam kes jenayah. Pelbagai usaha dan inisiatif yang dijalankan dalam memberi pemulihan dengan harapan pusat pemulihan dapat merubah pesalah menjadi manusia yang memiliki jati diri dan berakhlak mulia sesuai dengan ajaran

Islam. Namun, masih terdapat segelintir pesalah muda yang kembali melakukan jenayah. Kajian mendapati bahawa implikasi kualiti hidup yang kurang dan layanan yang buruk oleh kakitangan di Pusat Pemulihan atau Juvana akan menyebabkan pesalah muda cenderung untuk kembali melakukan jenayah.

Justeru, kualiti kehidupan di pusat pemulihan atau juvana perlu dipertingkatkan. Kajian turut mencadangkan agar fasilitator atau kakitangan pusat pemulihan dapat memberi layanan yang seharusnya kepada pesalah muda. Ini kerana, persekitaran institusi yang positif dan sihat dapat membantu meningkatkan keberkesanan institusi dalam memulihkan pesalah muda dan dapat mengurangkan permasalahan pesalah kembali melakukan jenayah.

6. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa pola pengulangan kes jenayah di Malaysia masih lagi terhad. Walaupun statistik kes jenayah di Malaysia semakin menurun tetapi peningkatan pengulangan kes dadah dan jenayah siber di Malaysia semakin meningkat. Ini menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mengundang salah laku jenayah perlu dititikberatkan agar dapat mengubah dan memperbaiki kualiti kehidupan di institusi penjara dan selepas mendapat pemulihan. Penulisan artikel ini diharapkan dapat membantu mana-mana individu yang ingin mendapatkan maklumat agar dapat menganalisis faktor lain yang mempengaruhi pengulangan kes jenayah bagi tujuan penyelidikan dan lain-lain. Kajian ini dijangka dapat memberi idea untuk menganalisis pengaruh faktor lain terhadap pengulangan kes jenayah. Kajian pada masa akan datang dicadangkan agar lebih banyak kajian tentang spesifikasi pengulangan kes jenayah dan bimbingan kaunseling atau pantauan susulan terhadap bekas banduan selepas keluar daripada penjara atau pusat pemulihan di Malaysia.

Penghargaan

Artikel ini ialah hasil dari geran penyelidikan PP-2020-016 (Kajian Keberkesanan Modul Istitabah Dan Transformasi Dalam Kalangan Pelatih Di Baitul Ehsan Dan Baitul Iman Rumah Pemulihan MAIS)

Rujukan

- Alexander R. Bazazi, Jeffrey A. Wickersham, Martin P. Wegman, Gabriel J. Culbert, Veena Pillai, Roman Shrestha, Haider Al-Darraji, Michael M. Copenhaver, Adeeba Kamarulzaman, & Frederick L. Altice. (2017). Design and implementation of a factorial randomized controlled trial of methadone maintenance therapy and an evidence-based behavioral intervention for incarcerated people living with HIV and opioid dependence in Malaysia. *Contemp Clin Trial*. 59 : 1-12.
- Angela Shalini Muneeswaran, Sohayla M. Attala & Eva Tan Lee Yin. (2020). Quality of Life and Tendency to Aggression Among Relapsed and First Time Substance Abusers: A Comparative Assessment Study. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* (eISSN 2636-9346).

- Berita RTM (2021) Jenayah E-Dagang : 2,500 kes direkodkan melibatkan kerugian RM 17 juta. *Berita RTM*. Diambil daripada <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/20977-jenayah-e-dagang-2-500-kes-direkodkan-libatkan-kerugian-rm17-juta>.
- Blokland, A.A.J. and N. Paul. (2005). The effects of life circumstances on longitudinal trajectories of offending. *Criminology* 43(4): 203–240.
- Cheah P.K., Unnithan N.P., Raran A.M.S (2020). Rehabilitation Programs for Incarcerated Drug Offenders in Malaysia : Experience - Based Perspectives on Reintegration and Recidivism. *The Prison Journal* 100(2) : 201-223.
- David, E.O., Loretta, J.S. & Gipsy, E. (2015). Comparing Male and Female Prison Releases across Risk Factors and Post- Prison Recidivism. *Women & Criminal Justice* 26(2) : 122-144
- Farrah Khan, Archana Krishnan, Mansur A. Ghani, Jeffrey A. Wickersham, Jeannia J. Fu, Sin How Lim, Sangeeth Kaur Dhaliwal, Adeeba Kamarulzaman & Frederick L. Altice. (2018) Assessment of an Innovative Voluntary Substance Abuse Treatment Program Designed to Replace Compulsory Drug Detention Centers in Malaysia. *Subst Use Misuse* 53(2) : 249-259.
- Fauziah, I., Ezarina, Z., Nor Jana, S., Salina, N., & Norahim, M. S. (2017). Faktor-faktor penyumbang ketahanan diri penagih untuk pulih bebas dadah. *Journal of Social Sciences and Humanities* 12(1), 60-74.
- Flemming, K., Booth, A., Hannes, K., Cargo, M. & Noyes, J. (2018). Cochrane Qualitative and Implementation Methods Group Guidance Paper 5: Reporting guidelines for qualitative, implementation and process evaluation evidence syntheses. *Journal of Clinical Epidemiology* 97: 70-78.
- Gillath, O., & Karantzas, G. (2019). Attachment security priming: A systematic review. *Current opinion in psychology* 25, 86-95.
- Graham, J. and E.I. Haidt. (2010). Beyond beliefs: Religions bind individuals into moral communities. *Personality and Social Psychology Review* 14(1): 140–150.
- Grossi, L.M. (2017). Sexual offenders, violent offenders, and community reentry: Challenges and treatment considerations. *Aggression and Violent Behavior* 34: 59-67.
- Gusenbauer, M. & Haddaway, N.R. (2019). Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods*: 1-37.
- Hassan N., Kendrick A., Ibrahim F. (2020). The quality of Life of Young Offenders in Juvenile Justice Institutions. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation* 24(04) : 4193-4206.

- Hassan N.M., Najwa Haneem M., Khairi C.M., Norwati D., Aniza A.A. (2016). Spiritual Influence Towards Relapse in Opioid Addicts in Therapy. Faculty of Medicine, University Sultan Zainal Abidin : Kuala Terengganu. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK64295/>
- Ibrahim F., Zakaria E., Sarnon N., Nen S., Hassan N. (2019). Relationship between Emotional Disturbance, Family Conflict, Social Pressure and Drug Craving Among Former Drug Addicts. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)* 8(10) : 43-47.
- James, N. (2015). Offender re-entry: Correctional statistics, reintegration into the community and recidivism. Report prepared for Analysis in Crime Policy at the 2015 Congress Research Service, United States.
- Jenkins, L.N. and M.K. Demaray. (2012). Social support and self-concept in relation to peer victimization and peer aggression. *Journal of School Violence* 11(1): 56–74.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka : Malaysia.
- Karabulut-Ilgü, A., Jaramillo Cherrez, N., & Jähren, C. T. (2018). A Systematic Review of Research on the Flipped Learning Method in Engineering Education. *British Journal of Educational Technology* 49: 398-411.
- Laporan Tahunan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). (2019). <https://storage.unitedwebnetwork.com/files/201/fa391adb320fc2e534198aea2ae7f087.pdf>. Diakses pada: 5 Jun 2021.
- Liebling, A. (2011). Moral performance, inhumane and degrading treatment and prison pain. *Punishment & Society* 13(5): 530-550.
- Mohamad M., Mohammad M., Salleh F., Abd Ghani M., Ramli R., Afthanorhan A. (2019). The Antecedent and Consequence of Youth Drug Abusers' Life Satisfaction: Delinquency Behavior as the Mediator. *Journal of Reviews on Global Economics* 8 : 783-796.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar & Norruzeyati Che Mohd Nasir. (2020). Three Major Interrelated Factors Contributing to Homelessness Issue among Former Prisoners in Malaysia. *International of Journal of Criminology and Sociology* 9: 415-430.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md Shahid, Noralina Omar, Zaiton Azman. (2018). Kekurangan Akses kepada Jagaan Lanjutan dan Faktor-Faktor Risiko Yang Membawa Kepada Relaps Dadah dalam Kalangan Bekas Banduan. *Jurnal Perspektif* 10 (2): 34-44.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md Shahid, Noralina Omar, Zaiton Azman. (2018). Pengangguran dalam Kalangan Bekas Banduan sebagai Faktor Peramal kepada Pengulangan Jenayah di Malaysia :

Kajian Kes ke Atas Bekas Banduan di Jalan Chow Kit. *International Journal of Law, Government and Communication* 3(7): 19-39.

- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md Shahid, Noralina Omar, Zaiton Azman. (2019). Had Fungsi Perantaraan Sebagai Penempatan Sementara untuk Bekas Banduan di Malaysia. *Akademika* 89(2): 17-31
- Molleman, T., & van Ginneken, E. F. (2015). A multilevel analysis of the relationship between cell sharing, staff-prisoner relationships, and prisoners' perceptions of prison quality. *International Journal of Offender Therapy & Comparative Criminology* 59(10): 1029-1046.
- Moore, K.E., Milam, K.C., Folk, J.B., & Tangney, J.P. (2018). Self-stigma among criminal offenders: Risk and protective factors. *Stigma and Health* 3(3): 241-252
- Moore, K.E., Stuewig, J.B., & Tangney, J.P. (2016). The effect of stigma on criminal offenders' functioning: A longitudinal mediational model. *Deviant Behavior* 37(2): 196-218.
- Mouzos, J. and C. Carcach. (2001). *Weapon involvement in armed robbery*. Australia: Australian Institute of Criminology.
- Muhd Dhamir Audi Azizul, Azlina Mohd Khir, Wan Munira Binti Wan Jaafar. (2018). Faktor Luaran Relaps Dalam Kalangan Penagih Lelaki Dewasa di Cure and Care Service Centre, Kuala Pilah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 3(2): 159-168.
- Nor-Ina, K., Norizan, M.N. & Ruslan, R. (2013). Tinjauan Dasar Pengurangan Jenayah di Malaysia. PROSIDING PERKEM VIII, JILID 1 : 224 – 234.
- Nur Diyanah Hidayat & Siti Marziah Zakaria. (2018). Isu dan Halangan bagi Bekas Pesalah untuk Bekerja : Satu Perspektif. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32(3): 62-68.
- Nurhafilah Musa. (2015). Ilman dan Kesan kepada Pencegahan Jenayah. *Wacana Keputeraan*. 1-18
- Okoli, C. (2015). A Guide to Conducting a Standalone Systematic Literature Review. *Communications of the Association for Information Systems* 37: 879-910
- Penerbitan Statistik Kementerian Dalam Negeri, Agensi Antidadah Kebangsaan. (2019). https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/UKOM/penerbitan_statistik_2019__-pdf-.pdf. Diakses pada: 3 Jun 2021.
- Petersilia, J. (2001). Prisoner reentry: Public safety and reintegration challenges. *The Prison Journal* 81(3): 360-375.

- Pettit, B. & Lyons, C. (2007). "Status and the Stigma of Incarceration: The Labor-Market Effects of Incarceration, by Race, Class, and Criminal Involvement." in *Barriers to Reentry? The Labor Market for Released Prisoners in Post-Industrial America*, ed. Shawn Bushway, Michael Stoll, & David Weiman. New York: Russell Sage Foundation.
- Piquero, A.R., W.G. Jennings, B. Diamond and J.M. Reingle. (2015). A systematic review of age, sex, ethnicity and race as predictors of violent. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 59(1): 5–26.
- Pokhariyal, G.P. and Muthuri, Rose K. (2003). Strategic Measures to Curb Crime Rates in Nairobi. *International Journal on World Peace* Vol.xx(1): 55-69.
- Ramírez, L. (2016). It Starts with Housing Public Housing Agencies Are Making Second Chances Real. https://portal.hud.gov/hudportal/documents/huddoc?id=HUD_It_Starts_with_Housing.pdf. Diakses pada: 3 Jun 2021.
- Rockville.MD. (2000). Integrating substance abuse treatment and vocational services. *Treatment Improvement Protocol (TIP)*. Series, No. 38. Retrieved 19 March 2017 from: Centre for Substance Abuse Treatment
- Scholl, M. B., Perry, J., Calhoun, B., & Robinson, H. (2016). Career support workshop series: Promoting the resilience of community ex-offenders. *Career Planning and Adult Development Journal*, 32(1), 169.
- Sew Kim Low, Soon Aun Tan, Sarvarubini Nainee, Glory Nancy Viapude & Renu Kailsan. (2018). The Association of Parental Monitoring and Peer Rejection on Antisocial Behavior among Malaysian Juvenile Offenders. *Residential Treatment for Children & Youth* 35(2) : 155-171.
- Shinkfield, A.J. and E. Gaffam. (2009). Community reintegration of ex-prisoners: Type and degree of change in variables influencing successful reintegration. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 53: 29–34.
- Sidhu, A.S. (2005). The Rise of Crime in Malaysia: An Academic and Statistical Analysis. *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College* 4: 1-28.
- Smith, I. B., & Hopkins, K. (2013). The factors associated with proven reoffending following release from prison: findings from Waves 1 to 3 of SPCR. Results from the Surveying Prisoner Crime Reduction (SPCR) longitudinal cohort study of prisoners). Ministry of Justice: United Kindom.
- Sonfield, M. C. (2008). Entrepreneurship and prisoner re-entry: The development of a concept. *Small Business Institute Research Review* 35: 193-200.
- Statistik Jenayah Siber di Malaysia. (2020). data.gov.my. Diakses pada: 5 Jun 2021.

- Statistik Kementerian Dalam Negeri, Agensi Antidadah Kebangsaan. (2017). <http://online.fliphtml5.com/meyb/rgoo/#p=1>. Diakses pada : 18 Januari 2022
- Statistik Kementerian Dalam Negeri, Agensi Antidadah Kebangsaan. (2019). https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/UKOM/penerbitan_statistik_2019__-pdf-.pdf. Diakses pada : 18 Januari 2022
- Statistik Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia. (2019). https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/UKOM/penerbitan_statistik_2019__-pdf-.pdf. Diakses pada : 18 Januari 2022
- Tharshini N.k , Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad & Ezarina Zakaria. (2018). Tahap Konsep Kendiri, Kesedaran Komuniti, Sokongan Sosial dan Pengintegrasian Sosial bagi Pesalah Muda di Malaysia. *Akademika* 88(3): 91-100.
- Tharshini N.K., Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad & Ezarina Zakaria. (2021). Pengaruh Faktor Konsep Kendiri, Kesedaran Komuniti dan Sokongan Sosial Terhadap Pengintegrasian Sosial Bagi Pesalah Muda Di Malaysia. *Kajian Malayia* 39(1) : 117-140.
- Vanhooren, S., Leijssen, M., & Dezutter, J. (2016). Profiles of meaning and search for meaning among prisoners. *The Journal of Positive Psychology*, 11(6), 622-633.
- Verrecchia, P.J., M.D. Fetzer, J.H. Lemmon and T.L. Austin. (2010). An examination of direct and indirect effects of ecological risks on persistent youth offending. *Journal of Criminal Justice Review* 35: 220–243.
- Ward, T. (2002). The management of risk and the design of good lives. *Australian Psychologist* 37: 172–179.
- Yin L.C., Zakaria A.R. (2017). The Correlation between Determinants of Frequent Relapse in Deviance. *International Journal of Economic Perspectives* 11 (3): 438-446.
- Zakaria, S. (1994). Jenayah yang berkaitan dengan dadah. Kuala Lumpur: Pustaka Cita Tinggi.